



SERDANG, 22 Mei – Persatuan Alumni Universiti Putra Malaysia (PAUPM) meraikan lebih 350 alumninya pada acara Majlis ‘Homecoming VI’, Majlis Makan Malam Sirih Pulang ke Gagang di sini.

Naib Canselor UPM , Dato’ Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi berkata UPM yang genap 80 tahun kewujudannya pada tahun ini menuntut semua komuniti UPM dan alumni agar menyumbang khidmat bakti kepada komuniti supaya terus unggul dan berdaya maju.

“Hari Alumni UPM pada 21 Mei sangat bererti dalam menghimpunkan kekuatan ahli persatuan daripada pelbagai lapisan umur dengan penglibatan warga kampus untuk bersama memberi sumbangan bermakna kepada kemajuan dan kecemerlangan universiti,” katanya.



Gambar bersama Y. Bhg. Tan Sri Datuk Hj Arshad Ayub (Ahli Lembaga Yayasan Pak Rashid UPM)

Katanya ini adalah penting bagi UPM mengukuhkan hubungan strategik dengan alumni serta menjadikan alumni sebagai pembuka laluan peluang kerja kepada graduan dan menjadi penyumbang kepada universiti dalam menjayakan enam matlamat yang diwujudkan dalam Pelan Strategik UPM.

“Usaha mengumpulkan alumni perlu ditingkatkan oleh PAUPM dengan kerjasama Pusat Alumni agar program yang dianjurkan memberi impak yang lebih besar kepada UPM,” katanya pada majlis di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Keseniaan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.



Majlis yang bertujuan meraikan kepulangan alumni ke kampus dan mengeratkan silaturrahim antara alumni dan alma mater itu turut menyaksikan penyampaian sijil penghargaan kepada lima persatuan utama UPM iaitu Persatuan Alumni UPM, Persatuan Pegawai Akademik UPM, Persatuan Pegawai Pentadbir UPM, Persatuan Wanita UPM (PERMATA) dan Kelab Ragbi UPM, The Serdang Angles.

Sementara itu, Pengarah Pusat Alumni UPM, Prof. Madya Dr. Rohani Ibrahim berkata sambutan Hari Alumni UPM 21 Mei akan menjadi acara tradisi kepada graduan UPM serta memperkuatkan jaringan antara alumni UPM bagi penjanaan ilmu untuk dimafaatkan oleh masyarakat.

**Berita ini disediakan oleh Pejabat Pemasaran dan Komunikasi (MarComm) UPM.
(Noor Eszereen Juferi, 03-89466013) Foto (Marina Ismail, 03-8946 6188).**

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia